



Menuju ke arah Wilayah yang Seimbang

Pendahuluan	5-2
Prestasi, 2021-2022	5-3
Pencapaian Sasaran Terpilih	5-3
Pencapaian mengikut Bidang Keutamaan	5-8
Bidang Keutamaan A : Mengoptimumkan Potensi Ekonomi Wilayah	5-8
Bidang Keutamaan B : Membangunkan Bandar yang Mampan	5-9
Bidang Keutamaan C : Mentransformasi Pembangunan Luar Bandar untuk Merapatkan Jurang Pembangunan	5-10
Bidang Keutamaan D : Memantapkan Penyediaan Infrastruktur	5-10
Bidang Keutamaan E : Mengoptimumkan Potensi Ekonomi	5-11
Bidang Keutamaan F : Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Sosial	5-12
Bidang Keutamaan G : Memperkukuh Pembangunan Inklusif	5-13
Bidang Keutamaan H : Memperkukuh Kerjasama Antara Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri	5-13
Isu dan Cabaran	5-14
Pembangunan Wilayah yang Tidak Seimbang	5-14
Daya Tahan Bandar yang Rendah	5-14
Kekangan Pembangunan di Kawasan Luar Bandar	5-14
Peluang daripada Kerjasama Subserantau Tidak Dimanfaat secara Berkesan	5-15
Cabaran Pembangunan di Sabah dan Sarawak	5-15
Hala Tuju, 2023-2025	5-16
Sasaran Terpilih, 2021-2025	5-17
Bidang Fokus A : Mempertingkatkan Potensi Ekonomi Wilayah	5-21
Bidang Fokus B : Mempercepat Pembangunan Bandar Mampan	5-22
Bidang Fokus C : Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar	5-24
Bidang Fokus D : Mengoptimumkan Peluang daripada Kerjasama Subserantau	5-26
Bidang Fokus E : Mempertingkatkan Pembangunan di Sabah dan Sarawak	5-27
Kesimpulan	5-31

Pendahuluan

Wilayah yang seimbang dan terangkum adalah penting untuk memastikan pembangunan sosioekonomi yang lebih saksama. Dalam tempoh kajian semula Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), pelbagai langkah telah diambil untuk mengoptimumkan potensi ekonomi wilayah, membangunkan bandar yang mampan, mentransformasi kawasan luar bandar dan memperkukuh pembangunan sosioekonomi negeri kurang membangun, termasuk Sabah dan Sarawak. Namun begitu, cabaran untuk merapatkan jurang pembangunan antara wilayah dan negeri serta kawasan luar bandar dan bandar masih terus wujud dan perlu ditangani bagi mencapai keseimbangan wilayah.

Dalam tempoh akhir RMKe-12, tumpuan akan diberi untuk meningkatkan potensi ekonomi wilayah, mempercepat pembangunan bandar mampan dan mempergiat pembangunan luar bandar. Di samping itu, penekanan akan diberi kepada mengoptimumkan peluang daripada kerjasama subserantau serta mempergiat pembangunan di Sabah dan Sarawak. Usaha ini akan mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah dan negeri selain menggalakkan pertumbuhan yang lebih saksama dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Langkah juga akan diambil untuk mempercepat pelaksanaan inisiatif pertumbuhan hijau, khususnya di Sabah dan Sarawak dalam memacu pembangunan sosioekonomi dan kelestarian alam sekitar.

Prestasi, 2021-2022


Sebanyak 43 sasaran ditetapkan dalam usaha mempertingkatkan keseimbangan dan keterangkuman wilayah, termasuk memperkukuh pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak. Dalam tempoh 2021-2022, 10 daripada 43 telah dicapai dan 33 mengikut jadual. Pencapaian sasaran tersebut adalah seperti ditunjukkan dalam *Paparan 5-1*.

Paparan 5-1


Pencapaian Sasaran Terpilih

Mengoptimumkan Potensi Ekonomi Wilayah


Nisbah KDNK per Kapita Wilayah kepada Wilayah Tengah




Pertumbuhan Purata KDNK




Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah



Membangunkan Bandar yang Mampan




Mencapai Status Bandar Mampan berdasarkan MURNInets




Melaksanakan Pelan Tindakan Bandar Hijau (GCAP) di bawah Platform IMT-GT dan BIMP-EAGA


Mentransformasi Kawasan Luar Bandar




Membina dan Menaik Taraf Jalan Luar Bandar Berturap



Liputan Akses kepada Air Bersih dan Selamat




Liputan Akses kepada Elektrik



Nisbah Pendapatan Luar Bandar kepada Bandar


Nota: ^a GCAP telah dimulakan di tiga bandar iaitu Kota Bharu, Kuching dan Langkawi.

Memantapkan Penyediaan Infrastruktur




Liputan Akses kepada Air Bersih dan Selamat

Liputan Akses kepada Elektrik



Membina dan Menaik Taraf Jalan Luar Bandar Berturap


Tapak Baharu untuk Pembangunan Infrastruktur Digital




Bilangan *Points of Presence* (PoP) untuk Ketersambungan Jalur Lebar bagi Sekolah Luar Bandar

Indeks Tempoh Gangguan Purata Sistem (SAIDI)


Mengoptimumkan Potensi Ekonomi



Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Sosial



Memperkukuh Pembangunan Inklusif



Pencapaian mengikut Bidang Keutamaan



Bidang Keutamaan A: Mengoptimumkan Potensi Ekonomi Wilayah

Strategi A1: Mempercepat Pembangunan Berasaskan Nod Pertumbuhan Utama dan Kawasan Titik Tumpuan

Mempergiat Aktiviti Ekonomi di Nod Pertumbuhan Utama dan Kawasan Titik Tumpuan

- Rangka Tindakan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) 2.0, 2021-2030 siap pada tahun 2022

Strategi A2: Menarik Pelaburan Berkualiti

Memberi Tumpuan kepada Aktiviti yang Mempunyai Nilai Ditambah yang Tinggi, Teknologi Termaju dan Berintensifkan Pengetahuan

- RM100.4 bilion pelaburan direalisasi di lima koridor ekonomi wilayah (REC) sehingga tahun 2022
 - Iskandar Malaysia (IM) - RM23.2 bilion
 - Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) - RM5.6 bilion
 - Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) - RM65.2 bilion
 - Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) - RM2.7 bilion
 - Koridor Pembangunan Sabah (SDC) - RM3.7 bilion

Strategi A3: Menambah Baik Ekosistem Perniagaan

Mempergiat Pembangunan Bakat dan Keusahawanan

- 214,888 peluang pekerjaan dan 48,973 peluang keusahawanan diwujudkan di lima REC
 - IM - 77,626 peluang pekerjaan dan 7,504 peluang keusahawanan
 - ECER - 27,413 peluang pekerjaan dan 6,238 peluang keusahawanan
 - NCER - 51,503 peluang pekerjaan dan 35,231 peluang keusahawanan
 - SCORE - 49,685 peluang pekerjaan
 - SDC - 8,661 peluang pekerjaan

Strategi A4: Mempertingkatkan Kerjasama Strategik dan Penyelarasan

Memberi Keutamaan Agihan Peruntukan Pembangunan kepada Negeri Kurang Membangun

- RM28.7 bilion atau 51.3% daripada keseluruhan peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan (DE) asas diagihkan kepada enam negeri kurang membangun

Strategi A5: Meningkatkan Kerjasama di bawah IMT-GT dan BIMP-EAGA

Memperkukuh Aktiviti Ekonomi dan Rantaian Nilai Rentas Sempadan

- Sembilan Projek Pelaksanaan Fizikal (PIP) di Sabah, Sarawak dan Labuan siap pada tahun 2022



Bidang Keutamaan B: Membangunkan Bandar yang Mampan

Strategi B1: Menggalakkan Perancangan dan Tadbir Urus Bandar yang Berkesan

Memperkuh Perancangan Pembangunan Bandar	<ul style="list-style-type: none"> • 47 daripada 64 inisiatif dalam Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) dilaksanakan • Profil bagi 281 bandar disiapkan melalui Kajian Penentuan Sempadan Bandar
Menggalakkan Pendekatan Bandar Mampan dan Pintar	<ul style="list-style-type: none"> • 127 daripada 155 pihak berkuasa tempatan (PBT) menerima guna sistem Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia (MURNInets) • 12 PBT telah membangunkan pelan tindakan bandar pintar
Menambah Baik Mekanisme Penyelarasan dan Tadbir Urus	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) <ul style="list-style-type: none"> ○ Lima Pelan Hala Tuju Bandar dibangunkan ○ Dua Laporan Semakan Tempatan (VLR) diterbitkan

Strategi B2: Mempergiat Ekonomi Bandar yang Mampan

Menggalakkan Pertumbuhan Aktiviti Ekonomi di Bandar	<ul style="list-style-type: none"> • 8,479 perniagaan menerima manfaat daripada Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan • 1,734 peserta menerima manfaat daripada Program Pemerkaaan Ekonomi Komuniti Bandar
--	---

Strategi B3: Mengutamakan Pembangunan Bandar Hijau dan Berdaya Tahan

Memperkuh Pengurusan Sisa	<ul style="list-style-type: none"> • 260,360 premis terlibat dalam penguatkuasaan pengasingan sisa • 5,717 kemudahan kitar semula disediakan kepada PBT, pertubuhan masyarakat sivil (CSO), perniagaan dan kilang kitar semula
Menggalakkan Mobiliti Hijau	<ul style="list-style-type: none"> • 902 stesen pengecas awam kenderaan elektrik (EV) dipasang di seluruh negara • Penggunaan aplikasi mobil <i>Planning Your Lifestyle Efficiently</i> (PULSE) bagi membantu pengguna pengangkutan awam meningkat daripada 44,520 pada tahun 2021 kepada 56,520 pada tahun 2022
Mempertingkat Biodiversiti Bandar	<ul style="list-style-type: none"> • 7,637.5 hektar tanah di bandar diwartakan sebagai kawasan lapang

Strategi B4: Membangunkan Masyarakat Bandar yang Mampan

Meningkatkan Daya Huni dan Keterangkuman	<ul style="list-style-type: none"> • 108,373 unit Rumah Mampu Milik (RMM) siap dibina
---	--



Bidang Keutamaan C: Mentransformasi Pembangunan Luar Bandar untuk Merapatkan Jurang Pembangunan

Strategi C1: Mempercepat Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan

Menambah Baik Perkhidmatan Asas

- 10 kampung terlibat dalam Program Komuniti Sihat Pembina Negara
- 3,644 rumah baharu dibina dan 23,270 rumah dibaiki di bawah Program Bantuan Rumah

Mempertingkatkan Ketersambungan dan Mobiliti

- 2.6 juta penumpang di luar bandar menerima manfaat perkhidmatan bas henti-henti Majlis Amanah Rakyat
- 13,203 usahawan luar bandar menerima manfaat daripada 4,388 aktiviti di bawah Program Pemerksaan Pusat Komuniti Desa (PKD)

Strategi C2: Mempelbagai dan Merencanakan Aktiviti Ekonomi

Mengoptimumkan Guna Tanah untuk Ekonomi Luar Bandar

- 17 projek di bawah Program Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung bermula pada tahun 2021
- 2,083 projek dilaksanakan di bawah Program Pembangunan Peneroka

Mencergaskan Semula Industri Kotej Luar Bandar

- 153 koperasi kampung dimanfaatkan untuk mengusahakan industri kotej luar bandar
- Tiga projek ekoplancongan luar bandar dilaksanakan
 - Kompleks Pelancongan Warisan Tanjung Balau, Kota Tinggi, Johor siap pada tahun 2022
 - Kompleks Pelancongan Warisan Pulau Tanjung Surat, Kota Tinggi, Johor dan Kompleks Pelancongan Taman Herba, Tasik Kenyir, Terengganu bermula pada tahun 2021

Strategi C3: Menambah Baik Tadbir Urus

Memperkemas Sistem Penyampaian

- 20,726 profil kampung direkodkan dan dikemas kini dalam Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN)



Bidang Keutamaan D: Memantapkan Penyediaan Infrastruktur

Strategi D1: Memperluas Penyediaan Infrastruktur

Menambah Baik Penyediaan Infrastruktur Asas

- Kemajuan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo
 - 92% di Sarawak
 - 74% bagi Fasa 1A di Sabah

Strategi D2: Meningkatkan Ketersambungan

Menambah Baik Perkhidmatan Udara Luar Bandar

- RM190.85 juta pada tahun 2021 dan RM182.09 juta pada tahun 2022 diperuntukkan sebagai subsidi bagi Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS)



Bidang Keutamaan E: Mengoptimumkan Potensi Ekonomi

Strategi E1: Mencergaskan Semula Aktiviti Ekonomi

Memodenkan Sektor Pertanian

- RM39 juta dana diluluskan, memanfaatkan 75 petani di Sabah dan Sarawak

Menambah Baik Sektor Perkhidmatan

- Pakej pelancongan berjumlah RM4 juta terjual semasa 10 jerayawara dan pameran pelancongan antarabangsa melalui kerjasama antara pemain industri pelancongan tempatan Sabah dan Lembaga Pelancongan Sabah pada tahun 2022
- Perbadanan Produktiviti Malaysia di Sarawak telah menyiapkan kajian mengenai penambahbaikan pendaftaran perniagaan pada tahun 2022

Mempercepat Pertumbuhan Sektor Pembinaan

- Dua makmal ujian untuk simen dan produk konkrit siap bancuh di Sabah dan Sarawak beroperasi sejak tahun 2022
- 48 program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula di Sabah dan 98 program di Sarawak mendapat akreditasi

Strategi E2: Memajukan Pembangunan Luar Bandar

Mencergaskan Semula Aktiviti Ekonomi Luar Bandar

- 900 petani di 90 lokasi di Sabah dan 556 petani di 54 lokasi di Sarawak memanfaatkan tanah terbiar dengan melaksanakan pertanian pintar dan berkelompok

Menyediakan Akses untuk Perniagaan Dalam Talian

- 15 PKD di Sabah dan enam PKD di Sarawak menyediakan akses dan kemudahan untuk perniagaan dalam talian
- 118 Pusat Ekonomi Digital (PEDi) di Sabah dan 133 PEDi di Sarawak menyediakan kursus keusahawanan digital

Strategi E3: Mempercepat Pembangunan Bandar

Meningkatkan Potensi Pembangunan Bandar

- 14 daripada 48 inisiatif dalam Pelan Induk Daya Saing Bandar (CCMP) Kota Kinabalu dilaksanakan
- Tiga daripada 13 inisiatif dalam CCMP Kuching dilaksanakan

Meningkatkan Perkhidmatan Perbandaran

- Satu bandar di Sabah mencapai status mampan, manakala 25 bandar lain mencapai status sederhana mampan berdasarkan penilaian MURNInets

Strategi E4: Menggalakkan Pertumbuhan Hijau**Memulihara Aset Semula Jadi**

- Kawasan Perlindungan Sepenuhnya dalam kawasan *Heart of Borneo*
 - Sabah: 1,459,181 hektar pada tahun 2021, daripada 551,879 hektar pada tahun 2007
 - Sarawak: 554,280 hektar pada tahun 2021, daripada 362,860 hektar pada tahun 2007

**Bidang Keutamaan F: Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Sosial****Strategi F1: Menambah Baik Akses kepada Pendidikan****Menambah Baik Akses kepada Pendidikan dan Latihan**

- 88 projek pembinaan semula bangunan daif di sekolah yang dikategorikan dalam skala enam dan tujuh berdasarkan Indeks Penilaian Keadaan Bangunan Sekolah

Meningkatkan Jaringan Kerjasama dengan Industri

- 4,392 pelatih menyertai program Sistem Latihan Dual Nasional di Sabah dan Sarawak
- Model *Teaching Factory* diperluas kepada lima institusi TVET di Sabah dan Sarawak dengan pengkhususan dalam bidang elektrik, mekanikal serta minyak dan gas memanfaatkan 717 pelajar

Strategi F2: Menambah Baik Akses kepada Rumah Mampu Milik**Menyediakan Lebih Banyak Rumah Mampu Milik untuk Kumpulan Sasar**

- 516 unit daripada 1,300 unit Rumah Mesra Rakyat (RMR) di Sabah siap dibina
- 414 unit daripada 1,200 unit RMR di Sarawak siap dibina

Strategi F3: Mempertingkatkan Keselamatan dan Ketenteraman Awam**Mempertingkatkan Keselamatan Sempadan dan Maritim**

- Pasukan bersepadu dalam mengawal sempadan digerakkan di bawah Pasukan Petugas Kebangsaan
- Empat *Littoral Mission Ship*, tiga *Helicopter Operation Maritime* dan enam *Fast Interceptor Craft* mula beroperasi



Bidang Keutamaan G: Memperkukuh Pembangunan Inklusif

Strategi G1: Menangani Kemiskinan dan Mempelbagaikan Sumber Pendapatan

Mengurangkan Kemiskinan melalui Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan Asas

- 7,053 unit rumah dibina dan dibaik pulih di kawasan luar bandar dan bandar di Sabah
- 7,519 unit rumah dibina dan dibaik pulih di kawasan luar bandar dan bandar di Sarawak
- Dua projek *Passenger Landing Facilities* (PLF) di Nanga Sejiran, Kapit dan Sungai Kut, Dalat siap dibina di bawah Program Khas Bumiputera (PKB) Sarawak
- Mahkamah Anak Negeri Tambunan siap dibina di bawah Program Khas Anak Negeri (PKAN) Sabah
- 39.3 kilometer jalan ladang diturap di bawah PKB Sarawak

Meningkat dan Mempelbagaikan Sumber Pendapatan

- 33 hektar tanah ditanam dengan pokok durian, pisang dan nanas melibatkan 33 orang peserta di bawah PKB Sarawak

Strategi G2: Memperkukuh Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak

Menambah Baik Kebolehpasaran dan Menggalakkan Keusahawanan

- 57 program latihan kemahiran dilaksana melibatkan 741 peserta di bawah PKAN Sabah
- 35 program pembangunan modal insan yang terdiri daripada 33 kursus dan dua program lawatan sambil belajar dilaksana melibatkan 1,555 peserta di bawah PKB Sarawak
- Lapan kolej komuniti di Sabah dan enam di Sarawak menawarkan 1,601 program pendidikan sepanjang hayat, memanfaatkan 29,767 pelajar



Bidang Keutamaan H: Memperkukuh Kerjasama antara Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Strategi H1: Mewujudkan Ekosistem yang Menyokong Jalinan Kerjasama

Mengkaji Semula Hak bagi Sabah dan Sarawak

- Tiga daripada 10 projek bekalan elektrik di bawah *Sabah Special Project Delivery Unit* siap pada tahun 2022
- Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah dan Sarawak diberi kuasa sebagai agensi teknikal untuk melaksanakan projek Persekutuan bernilai RM50 juta dan ke bawah

Memberi Keutamaan Peruntukan bagi Sabah dan Sarawak

- RM10.3 bilion atau 18.4% daripada keseluruhan peruntukan DE asas diagihkan kepada Sabah
- RM8.2 bilion atau 14.6% daripada keseluruhan peruntukan DE asas diagihkan kepada Sarawak

Isu dan Cabaran

Jurang pembangunan antara wilayah dan negeri serta kawasan bandar dan luar bandar masih wujud walaupun pelbagai usaha diambil untuk menambah baik keseimbangan dan keterangkuman wilayah. Antara isu dan cabaran utama ialah pembangunan yang tidak seimbang, daya tahan bandar yang rendah, kekangan pembangunan di kawasan luar bandar dan peluang daripada kerjasama subserantau tidak dimanfaatkan secara berkesan. Di samping itu, cabaran dalam pembangunan di Sabah dan Sarawak terus menghalang kemajuan. Kegagalan untuk menangani isu ini akan terus melebarkan lagi jurang pembangunan antara kawasan dan menyumbang kepada ketidakseimbangan pembangunan wilayah.

Pembangunan Wilayah yang Tidak Seimbang

- Dasar perancangan strategik spatial kebangsaan kurang dimanfaatkan dalam membangunkan kawasan pertumbuhan yang dikenal pasti
- Kekurangan pelaburan di kawasan khusus dan dalam aktiviti dengan nilai ditambah yang tinggi
- Perancangan pembangunan wilayah yang kurang terselaraskan dan pertindihan fungsi antara agensi Persekutuan dan negeri

Kekangan Pembangunan di Kawasan Luar Bandar

- Infrastruktur dan kemudahan asas di luar bandar yang tidak mencukupi
- Akses kepada perkhidmatan asas kerajaan dan sektor swasta yang terhad
- Kurang peluang sosioekonomi
- Kurang penglibatan masyarakat dalam penyenggaraan infrastruktur luar bandar
- Latihan untuk kepimpinan akar umbi yang kurang berkualiti
- Potensi tanah terbiar yang belum diterokai



Daya Tahan Bandar yang Rendah

- Cabaran dalam menangani perubahan iklim
 - Penerimgunaan amalan hijau yang rendah
 - Perancangan dan tadbir urus bandar yang kurang cekap
 - Pembangunan bandar pintar yang perlahan
- Cabaran dalam meningkatkan kesejahteraan komuniti bandar
 - Kos sara hidup dan miskin bandar yang meningkat
 - Kurang akses kepada rumah mampu milik
 - Pengangkutan awam yang kurang cekap

Peluang daripada Kerjasama Subserantau Tidak Dimanfaat secara Berkesan

- Kerjasama subserantau
 - Kebolehcapaian infrastruktur dan ketersambungan yang tidak mencukupi
 - Kerjasama dan penyelarasan dalam kalangan pihak berkepentingan masih kurang
- Pembangunan di kawasan sempadan
 - Pembangunan di kawasan sempadan yang kurang terselaras
 - Pembangunan sosioekonomi di kawasan sempadan yang perlahan
- Aspek keselamatan
 - Aset dan anggota keselamatan yang terhad untuk mengawal kawasan sempadan
 - Peningkatan risiko daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang dan pencerobohan sempadan

Cabaran Pembangunan di Sabah dan Sarawak

- Kekurangan infrastruktur asas dan ketersambungan
- Infrastruktur digital yang tidak mencukupi
- Pertumbuhan ekonomi yang perlahan
 - Cabaran dalam pengukuran dan pemetaan tanah adat (NCR)
 - Kekurangan pelaburan berkualiti
 - Kurang promosi aktiviti pelancongan
 - Kurang aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dalam industri gas
 - Kurang penerimgunaan teknologi dalam amalan pertanian
- Kebergantungan yang tinggi kepada bahan api fosil dan campuran tenaga yang kurang seimbang
- Cabaran dalam mempercepat inisiatif pertumbuhan hijau
- Cabaran dalam penyediaan pendidikan yang berkualiti
 - Peningkatan bilangan sekolah daif
 - Kekurangan kemudahan pembelajaran bagi kanak-kanak berkeperluan khas
 - Kurang kemahiran guru dalam pengajaran dan pembelajaran
 - Peningkatan bilangan murid cicir di kawasan pedalaman
- Akses yang terhad kepada perumahan mampu milik dan perkhidmatan penjagaan kesihatan
- Penyampaian perkhidmatan awam yang kurang cekap
 - Caj dan fi yang berbeza untuk pembinaan infrastruktur telekomunikasi oleh agensi dan PBT
 - Permit dan kelulusan tapak lewat diperoleh daripada kerajaan negeri dan agensi, PBT serta syarikat berkaitan kerajaan negeri
 - Pembangunan industri gas yang tidak terselaras

Hala Tuju, 2023-2025

Dalam tempoh akhir RMKe-12, tumpuan akan terus diberikan kepada keseimbangan dan keterangkuman wilayah untuk pengagihan faedah sosioekonomi yang lebih meluas. Ini akan dilaksana dengan mempertingkatkan potensi ekonomi wilayah, mempercepat pembangunan bandar mampan, mempergiat pembangunan luar bandar, mengoptimumkan peluang daripada kerjasama subserantau dan mempergiat pembangunan di Sabah dan Sarawak. Langkah ini akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik di semua wilayah dan meningkatkan kesejahteraan rakyat di kawasan luar bandar dan bandar.



Bidang Fokus A: Mempertingkatkan Potensi Ekonomi Wilayah

Strategi A1:

Mempergiat Pembangunan Wilayah di Kawasan Pertumbuhan yang Berpotensi

Strategi A2:

Memanfaatkan Kerjasama Agensi Persekutuan dan Negeri



Bidang Fokus B: Mempercepat Pembangunan Bandar Mampan

Strategi B1:

Memperkuatkan Pembangunan ke arah Bandar Berdaya Tahan

Strategi B2:

Menggalakkan Kesejahteraan Masyarakat Bandar



Bidang Fokus C: Mempergiat Pembangunan Luar Bandar

Strategi C1:

Memperluas Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan

Strategi C2:

Memanfaatkan Potensi Ekonomi Luar Bandar

Strategi C3:

Memperkuatkan Tadbir Urus



Bidang Fokus D: Mengoptimumkan Peluang daripada Kerjasama Subserantau

Strategi D1:

Memanfaatkan Kerjasama di bawah IMT-GT, BIMP-EAGA dan JMCIM

Strategi D2:

Mempercepat Pembangunan Sempadan



Bidang Fokus E: Mempergiat Pembangunan di Sabah dan Sarawak

Strategi E1:

Mempertingkatkan Penyediaan Infrastruktur

Strategi E2:

Mengoptimumkan Potensi Ekonomi

Strategi E3:


Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

Strategi E4:

Memperkuatkan Pendekatan Keseluruhan Kerajaan

Sasaran Terpilih, 2021-2025

Mempertingkatkan Potensi Ekonomi Wilayah




Mempercepat Pembangunan Bandar Mampan




Mempergiat Pembangunan Luar Bandar



Mempergiat Pembangunan di Sabah dan Sarawak



Mempergiat Pembangunan di Sabah dan Sarawak



Bidang Fokus A: Mempertingkatkan Potensi Ekonomi Wilayah

Usaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan antara dan dalam wilayah akan terus diberi keutamaan dengan merangsang potensi ekonomi wilayah. Langkah akan dilaksana untuk mempertingkatkan pembangunan wilayah di kawasan pertumbuhan yang berpotensi dan memanfaatkan kerjasama antara agensi Persekutuan dan negeri. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberi dalam mempercepat pembangunan strategik di kawasan pertumbuhan dan menarik pelaburan berkualiti untuk melonjakkan pertumbuhan wilayah dalam tempoh akhir RMKe-12.

Strategi A1

**Mempergiat Pembangunan Wilayah di Kawasan
Pertumbuhan yang Berpotensi**

Strategi A2

**Memanfaatkan Kerjasama Agensi Persekutuan
dan Negeri**

Strategi A1: Mempergiat Pembangunan Wilayah di Kawasan Pertumbuhan yang Berpotensi

Mempertingkatkan Pembangunan di Kawasan Pertumbuhan yang Dikenal Pasti

Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) akan dimanfaatkan bagi melonjakkan pembangunan di kawasan pertumbuhan yang dikenal pasti. Dalam hubungan ini, ekosistem perniagaan akan terus ditambah baik untuk mempermudah urusan menjalankan perniagaan dan menarik pelaburan berkualiti. Selain itu, program pembangunan bakat akan dipergiat untuk mengekalkan tenaga mahir bagi mengelakkan migrasi. Langkah ini akan menggalakkan aktiviti ekonomi yang menyumbang kepada pembangunan wilayah yang lebih seimbang.

Menarik Pelaburan di Kawasan Khusus

Agensi pembangunan wilayah pada peringkat Persekutuan dan negeri akan digalakkan untuk menyelaraskan keutamaan pembangunan dengan memanfaatkan kekuatan, keunikan dan ketersediaan sumber di setiap wilayah. Usaha akan terus dilaksana untuk menggalakkan penggunaan teknologi termaju dalam aktiviti hulu dan hiliran. Dalam hubungan ini, projek berimpak tinggi di wilayah utara iaitu Kawasan Perindustrian Lembah Chuping, akan menumpukan kepada empat kluster utama merangkumi pembuatan hijau, industri halal, penjaan tenaga boleh baharu dan automotif. Selain itu, Taman Perindustrian Tok Bali, iaitu satu lagi projek berimpak tinggi di wilayah timur akan menumpukan kepada aktiviti hiliran dalam industri pembuatan serta minyak dan gas. Pakej insentif juga akan ditambah baik bagi menarik pelaburan, khususnya di kawasan kurang membangun. Di samping itu, zon khas kewangan akan diwujudkan di Iskandar Malaysia bagi menarik pelabur asing dan pekerja berkemahiran untuk menetap di Malaysia. Inisiatif ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan keusahawanan, seterusnya memperkukuh pembangunan sosioekonomi di wilayah berkenaan.

Strategi A2: Memanfaatkan Kerjasama Agensi Persekutuan dan Negeri

Memperkukuh Kerjasama dan Kolaborasi

Kerjasama antara agensi Persekutuan dan negeri akan terus diperkukuh bagi menangani pembangunan yang kurang terselaras. Dalam hubungan ini, pihak berkuasa koridor akan terus memainkan peranan penting dalam mempercepat pelaburan di wilayah. Ini termasuk memudah cara kelulusan pembangunan merentas pelbagai agensi serta menyelesaikan isu tanah dan hal lain yang berkaitan bagi memastikan pelaburan komited direalisasikan. Di samping itu, fungsi agensi utama yang bertindih pada peringkat Persekutuan dan negeri akan dijajarkan bagi perancangan pembangunan dan penyelarasan yang lebih baik. Pelaksanaan inisiatif ini akan menyumbang kepada kerjasama dan kolaborasi yang lebih kukuh antara agensi Persekutuan dan negeri.

Mengutamakan Pembangunan di Negeri Kurang Membangun

Usaha untuk merapatkan jurang pembangunan di negeri kurang membangun akan diteruskan bagi memastikan pembangunan sosioekonomi yang lebih saksama. Pembangunan perindustrian mengikut geografi akan digalakkan bagi mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah. Dalam hubungan ini, keutamaan akan terus diberi dengan menyediakan sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah DE asas kepada negeri kurang membangun, terutama negeri Kelantan dan Terengganu. Aktiviti ekonomi rentas sempadan akan dipergiat bagi menggalakkan pembangunan di negeri berkenaan.



Bidang Fokus B: Mempercepat Pembangunan Bandar Mampan

Usaha akan diambil untuk menangani kesan daripada kadar perbandaran yang pesat dan perubahan iklim ke atas bandar bagi mempercepat pembangunan bandar mampan. Dalam tempoh akhir RMKe-12, penekanan akan diberi untuk memperkukuh pembangunan ke arah bandar yang berdaya tahan dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat bandar. Langkah ini akan menyumbang ke arah kualiti hidup yang lebih baik di bandar sejajar dengan matlamat Agenda 2030.

Strategi B1

Memperkukuh Pembangunan ke arah Bandar Berdaya Tahan

Strategi B2

Menggalakkan Kesejahteraan Masyarakat Bandar

Strategi B1: Memperkukuh Pembangunan ke arah Bandar Berdaya Tahan

Menyediakan Persekitaran yang Menyokong Daya Tahan

Penerimgunaan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) akan diberi penekanan untuk menangani kawasan bandar yang sering dilanda banjir. Dalam hubungan ini, perancangan guna tanah dalam rancangan struktur negeri dan rancangan tempatan akan dijajarkan dengan PISMA untuk menambah baik sistem perparitan di kawasan bandar bagi mengurangkan kejadian banjir besar. Selain itu, kerajaan negeri dan PBT berkaitan akan digalakkan untuk mengguna pakai Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara 2 bagi memastikan kawasan pantai dilindungi dan diurus dengan lebih baik. Usaha bagi mempergiat amalan hijau di bandar akan terus ditumpukan kepada penguatkuasaan yang lebih baik terhadap pengasingan sisa di punca dan menggalakkan inisiatif pengurangan, guna semula dan kitar semula (3R).

Meningkatkan Pelaksanaan Pembangunan Rendah Karbon

Pelaksanaan pembangunan rendah karbon dalam kalangan PBT akan digalakkan bagi mengurangkan pelepasan gas rumah kaca. Usaha akan diambil untuk meningkatkan penerimgunaan Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon dan menambah baik keupayaan PBT bagi menggalakkan



kecekapan tenaga. Kerjasama strategik dan penyelarasan dalam kalangan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, PBT, sektor swasta dan CSO akan diperkukuh dalam menerajui agenda rendah karbon untuk mengurangkan kesan perubahan iklim.

Menambah Baik Perancangan Bandar dan Kecekapan Tadbir Urus

Dasar perbandaran negara ketiga akan dirangka sebagai dasar perancangan bandar yang menyeluruh. Dasar ini mengambil kira kesan perubahan iklim, pandemik COVID-19 dan keperluan penduduk bandar yang semakin meningkat serta landskap perniagaan yang berkembang di kawasan bandar. Dasar ini akan digunakan oleh PBT sebagai panduan untuk mengenal pasti potensi baharu bandar. Di samping itu, Kajian Penambahbaikan Penyediaan Rancangan Pemajuan akan menambah baik penggubalan rancangan pemajuan bagi tujuan perancangan bandar yang lebih baik dan dinamik. Selain itu, pelaksanaan fasa pertama sistem *Malaysia Urban Observatory* akan menyediakan pangkalan data yang menyeluruh untuk perancangan bandar. Sistem ini akan membantu PBT dalam merancang, memantau dan mentadbir bandar.

Menggalakkan Pembangunan Bandar Pintar

Langkah akan diambil untuk mempercepat penarafan bandar pintar berdasarkan piawaian Bandar dan Komuniti yang Mampan-Indikator Bandar Pintar (MS ISO 37122:2019). Usaha ini akan membolehkan PBT untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan menarik lebih banyak pelaburan. Dalam tempoh akhir RMKe-12, sekurang-kurangnya lima bandar disasarkan untuk diiktiraf sebagai pelaksana awal bandar pintar.

Meningkatkan Biodiversiti Bandar

Usaha bagi menambah baik biodiversiti bandar akan diteruskan untuk menyokong pertumbuhan hijau. Kawasan rekreasi dan landskap bandar dalam pembangunan kawasan bandar baharu akan dipulihkan dan diberi nafas baharu untuk meningkatkan imej bandar dan daya huni. Di samping itu, program pertanian bandar berasaskan komuniti akan digalakkan untuk menyokong keterjaminan makanan selain dapat mengurangkan jejak karbon. Pelaksanaan langkah ini akan menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup di kawasan bandar.

Strategi B2: Menggalakkan Kesejahteraan Masyarakat Bandar

Mempergiat Usaha Menangani Miskin Bandar

Usaha akan diambil untuk menangani insiden kemiskinan di kawasan bandar. Pelaksanaan Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang juga melibatkan isi rumah miskin tegar, miskin dan berpendapatan rendah di kawasan bandar akan ditumpukan kepada usaha memperkasakan golongan ini bagi meningkatkan keupayaan menjana pendapatan yang mampan. Usaha juga akan diambil untuk membangunkan usahawan dan menyediakan latihan kemahiran. Langkah ini akan meningkatkan kesejahteraan masyarakat bandar.

Menambah Baik Akses kepada Perumahan Mampu Milik dan Pengangkutan

Pelaksanaan Program RMR, Residensi Wilayah dan PPR akan dipercepat untuk meningkatkan penawaran perumahan mampu milik. Kerjasama dengan institusi kewangan akan diteruskan bagi menyediakan pakej pembiayaan perumahan yang menarik dan mampan. Selain itu, pembangunan berorientasikan transit yang lebih banyak dan penyediaan pengangkutan awam yang cekap akan menambah baik akses kepada pengangkutan di bandar utama.

Mempercepat Kemampanan Bandar

Penerimgunaan sistem MURNInets oleh PBT di Sabah dan Sarawak akan dipercepat untuk menggalakkan bandar yang mampan. Usaha penyesuaian SDG dengan keperluan setempat akan diberi penekanan untuk menggalakkan elemen kemampanan dalam pembangunan bandar. Dalam hubungan ini, lebih banyak PBT akan dibantu dalam penyediaan VLR berkaitan SDG untuk menunjukkan pencapaian dalam merealisasikan agenda pembangunan mampan.

Bidang Fokus C: Mempergiat Pembangunan Luar Bandar

Usaha merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar adalah penting bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih saksama dan mampan. Dalam hubungan ini, langkah akan diambil untuk memperluas penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan, memanfaatkan potensi ekonomi luar bandar dan memperkukuh tadbir urus. Strategi ini akan menyumbang kepada pengurangan jurang pendapatan luar bandar dan bandar daripada 0.57:1 pada tahun 2022 kepada 0.67:1 pada tahun 2025.

Strategi C1

Memperluas Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan

Strategi C2

Memanfaatkan Potensi Ekonomi Luar Bandar

Strategi C3

Memperkukuh Tadbir Urus



Strategi C1: Memperluas Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan

Meningkatkan Penyediaan Infrastruktur Luar Bandar

Inisiatif sedia ada untuk memperluas penyediaan infrastruktur seperti jalan, serta bekalan elektrik dan air, termasuk melalui sistem alternatif seperti solar hibrid, telaga tiub dan penuaian air hujan, akan terus dilaksanakan. Dalam hubungan ini, baki 1,625 kilometer jalan akan dibina dan dinaik taraf. Selain itu, liputan akses kepada bekalan air akan diperluas untuk mencapai sasaran 98% dan bekalan elektrik 99%. Budaya penyelenggaraan akan dipupuk dalam kalangan komuniti untuk memastikan kemampanan infrastruktur luar bandar dalam jangka masa panjang, antara lain dengan menyediakan kursus bagi meningkatkan kemahiran yang diperlukan. Kerjasama antara CSO, sektor swasta, institusi pendidikan tinggi, dan komuniti luar bandar akan terus dipupuk. Di samping itu, portal akan dibangunkan untuk membolehkan aduan mengenai infrastruktur yang rosak dan usang dibuat secara dalam talian.

Menambah Baik Pengurusan Sisa

Program pengurusan sisa pepejal dan sanitasi berasaskan komuniti di luar bandar akan dilaksana melalui kerjasama dengan CSO dan sektor swasta. Di samping itu, aktiviti kitar semula akan digalakkan dalam kalangan penduduk luar bandar bagi meningkatkan kesedaran terhadap alam sekitar. Usaha ini bertujuan untuk memperkasakan masyarakat luar bandar bagi menambah baik pengurusan sisa dan memastikan pemeliharaan alam sekitar.

Meningkatkan Ketersambungan dan Mobiliti

Akses kepada internet akan ditambah baik untuk mempertingkatkan ketersambungan di kawasan luar bandar. Dalam hubungan ini, liputan jalur lebar di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) akan diperluas bagi memastikan sasaran 100% liputan internet di kawasan berpenduduk pada tahun 2025 tercapai. Usaha akan turut dilaksana untuk merancang semula perkhidmatan pengangkutan awam yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Strategi C2: Memanfaatkan Potensi Ekonomi Luar Bandar

Memaksimumkan Penggunaan Tanah untuk Ekonomi Luar Bandar

Aktiviti pertanian moden berasaskan komuniti akan ditingkatkan untuk mengoptimumkan penggunaan tanah terbiar. Dalam hubungan ini, tanah terbiar yang bersesuaian di kawasan luar bandar akan dikenal pasti dan dimanfaatkan untuk aktiviti pertanian di bawah Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) yang merupakan salah satu komponen di bawah program IPR. Bantuan akan disediakan untuk kos infrastruktur, input pertanian, latihan dan khidmat nasihat teknikal. Inisiatif ini akan dilaksana melalui kerjasama dengan entiti yang membeli secara kontrak dan mempunyai reputasi baik.

Usaha untuk meningkatkan pendapatan petani luar bandar akan dipergiat melalui program aktiviti pertanian tambahan. Dalam hubungan ini, input pertanian seperti benih dan baja serta khidmat nasihat akan disediakan bagi menyokong petani menceburi aktiviti pertanian tambahan. Aktiviti pertanian berskala besar dan bernilai tinggi seperti penanaman durian, avokado dan nanas akan juga digalakkan.

Premis perniagaan seperti rumah kedai, medan selera dan kios akan dibina dan dinaik taraf untuk usahawan luar bandar. Selain itu, inkubator untuk syarikat pemula akan disediakan dengan ekosistem sokongan, termasuk pementoran, kemudahan penyelidikan dan pembangunan serta peralatan perniagaan yang dikongsi bersama. Langkah ini akan mewujudkan peluang pekerjaan dan memupuk keusahawanan, seterusnya memanfaatkan potensi ekonomi luar bandar.

Landskap semula jadi dan biodiversiti serta warisan budaya dan cara hidup tradisional di kawasan luar bandar akan dipelihara untuk menggalakkan pelancongan luar bandar. Oleh itu, produk pelancongan luar bandar akan ditambah baik dengan memanfaatkan ketersediaan tanah, khazanah semula jadi yang berhampiran dan warisan luar bandar. Pelaksanaan inisiatif ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan komuniti luar bandar.

Memperkukuh Industri Kotej Luar Bandar

Usaha akan diambil untuk terus memanfaatkan PKD sebagai hab untuk mempromosi dan memasarkan produk kotej luar bandar. Ekonomi digital akan dimanfaatkan untuk mempromosi produk kotej luar bandar bagi akses pasaran yang lebih baik. Selain itu, program keusahawanan kotej luar bandar akan dipertingkatkan melalui penambahbaikan kontrak perjanjian dan penelesen yuran penyertaan yang minimum untuk memupuk akauntabiliti, tanggungjawab dan komitmen usahawan. Di samping itu, program pembangunan kapasiti, termasuk kemahiran digital akan dipertingkatkan untuk usahawan luar bandar bagi memperluas akses pasaran pada peringkat domestik dan antarabangsa.

Ekosistem keusahawanan luar bandar akan ditambah baik bagi meningkatkan kapasiti perniagaan di kawasan luar bandar. Dalam hubungan ini, latihan kemahiran, program pembangunan perniagaan, kemudahan pembiayaan dan perkhidmatan sokongan perniagaan akan terus ditambah baik. Selain itu, usaha akan dipergiat untuk membangunkan usahawan luar bandar melalui pelbagai inisiatif dan program selaras dengan keperluan industri setempat.

Pemasaran produk berasaskan pertanian akan diperkukuh manakala program bantuan kewangan, kredit mikro dan pinjaman untuk aktiviti pertanian akan ditambah baik. Selain itu, aktiviti pertanian melalui kerjasama dengan sektor swasta akan digalakkan untuk mencapai ekonomi bidangan. Usaha ini akan meningkatkan ekonomi luar bandar dan menjana pendapatan komuniti luar bandar yang lebih tinggi.

Strategi C3: Memperkukuh Tadbir Urus

Mempertingkatkan Latihan untuk Kepimpinan Luar Bandar

Kursus latihan kepimpinan untuk pemimpin luar bandar pada peringkat akar umbi akan ditambah baik melalui penandaarasan dengan program kepimpinan lain yang diiktiraf untuk kandungan latihan yang lebih baik. Kursus digital juga akan ditawarkan untuk menambah baik kualiti kepimpinan pada peringkat akar umbi. Di samping itu, penggunaan premis kerajaan akan dioptimumkan sebagai pusat pembelajaran untuk kursus kepimpinan luar bandar.

Meningkatkan Sistem Penyampaian Luar Bandar

SPKPN akan dinaik taraf dan diintegrasikan dengan Sistem Ciri-ciri Spatial Desa Malaysia (S-CHARMs) untuk menjadi sistem yang lebih mesra pengguna. Pengintegrasian ini akan merangkumkan pangkalan data maklumat geografi serta keupayaan menganalisa maklumat spatial kampung dan kemudahan awam. Usaha ini akan menyediakan pangkalan data yang lebih interaktif dan berpusat bagi perancangan pembangunan luar bandar yang lebih baik.

PKD *Mobile* akan diperkenalkan bagi memperluas perkhidmatan sedia ada yang ditawarkan di PKD, terutama di kawasan terpencil. Antara kemudahan yang disediakan termasuk kaunter bergerak untuk perkhidmatan kerajaan, seperti pembaharuan cukai jalan kenderaan, pengeluaran sijil kelahiran dan permohonan kad pengenalan. Selain itu, perkhidmatan sektor swasta pula termasuk perkhidmatan perbankan, kurier dan pos. Inisiatif ini adalah untuk memastikan penduduk luar bandar mendapat akses yang lebih baik kepada pelbagai perkhidmatan.

Bidang Fokus D: Meningkatkan Peluang daripada Kerjasama Subserantau

Kerjasama subserantau melalui platform *Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle* (IMT-GT), *Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area* (BIMP-EAGA) dan *Malaysia-Singapore Joint Ministerial Committee for Iskandar Malaysia* (JMCIM) akan dimanfaatkan untuk mengoptimumkan peluang pembangunan di kawasan sempadan. Selain itu, pembangunan di kawasan sempadan yang berpotensi akan dipercepat dengan meningkatkan pembangunan sosioekonomi serta keselamatan dan ketenteraman awam. Langkah ini akan menarik pelaburan yang berkualiti dan menyumbang kepada pembangunan wilayah yang inklusif.

Strategi D1

Memanfaatkan Kerjasama di bawah IMT-GT, BIMP-EAGA dan JMCIM

Strategi D2

Mempercepat Pembangunan Sempadan



Strategi D1: Memanfaatkan Kerjasama di Bawah IMT-GT, BIMP-EAGA dan JMCIM

Mengoptimumkan Kerjasama Subserantau

Kerjasama subserantau akan dioptimumkan untuk mempercepat pembangunan ekonomi, memulihara alam sekitar dan menggalakkan pertukaran budaya. Dalam hubungan ini, kerjasama dan kolaborasi dalam kalangan pihak berkepentingan tempatan akan dipergiat untuk mencapai objektif bersama dan ekonomi bidangan. Inisiatif secara kolaborasi ini akan mengatasi halangan dan memudah cara rundingan yang lebih baik dalam menarik pelaburan.

Tumpuan akan diberi untuk membangunkan dan meningkatkan infrastruktur dalam kawasan subserantau, termasuk rangkaian pengangkutan, grid elektrik, fasiliti telekomunikasi dan pusat pemeriksaan sempadan. Penekanan juga akan diberi untuk memperkemas fasilitasi perdagangan dan pelaburan serta mengurangkan halangan perdagangan. Di samping itu, pembangunan modal insan akan dipergiat.

Strategi D2: Mempercepat Pembangunan Sempadan

Meningkatkan Potensi Pembangunan Sosioekonomi di Kawasan Sempadan

Pelbagai langkah akan diambil untuk mempercepat pembangunan kawasan bersempadan dengan Thailand dan Kalimantan, Indonesia. Langkah ini merangkumi penyediaan infrastruktur asas, peningkatan kemudahan keselamatan dan pembangunan bandar sempadan bagi mengoptimumkan aktiviti ekonomi rentas sempadan. Dalam hubungan ini, Kajian Sempadan Antarabangsa Malaysia-Thailand dan Kajian Pembangunan Ekonomi di Sempadan Sabah serta pelan induk pembangunan Sarawak sedia ada akan menjadi asas kepada perancangan pembangunan sempadan yang menyeluruh di kawasan sempadan berkaitan.

Mempertingkatkan Keselamatan dan Ketenteraman Awam

Usaha berterusan akan dilaksana dalam mempertingkatkan keselamatan sempadan untuk mewujudkan persekitaran sempadan yang selamat, terutama di kawasan mudah dibolosi di Sabah dan Sarawak. Dalam hubungan ini, lebih banyak pos keselamatan akan dibina, manakala kekerapan rondaan dan pemantauan akan dipertingkatkan untuk memperkukuh kawalan sempadan. Menara radar penderiaan jauh di Sabah akan dinaik taraf manakala fasiliti baharu akan dibina di Sarawak untuk menangani potensi ancaman. Selain itu, kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan di pintu masuk terpilih akan dibina dan dinaik taraf untuk memastikan penguatkuasaan yang berkesan di sempadan.

Bidang Fokus E: Mempergiat Pembangunan di Sabah dan Sarawak

Pembangunan di Sabah dan Sarawak akan terus menjadi keutamaan untuk mencapai pembangunan wilayah yang lebih seimbang. Usaha akan dipergiat bagi meningkatkan pembangunan sosioekonomi di kedua-dua negeri tersebut. Tumpuan yang lebih akan diberi untuk mempertingkatkan penyediaan infrastruktur, mengoptimumkan potensi ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat, dan memperkukuh pendekatan keseluruhan kerajaan. Selain itu, peluang pertumbuhan untuk Sabah dan Sarawak akan berasaskan kepada ekonomi hijau. Usaha ini akan menggalakkan pembangunan inklusif dan meningkatkan kesejahteraan rakyat di Sabah dan Sarawak.

Strategi E1 Mempertingkatkan Penyediaan Infrastruktur

Strategi E2 Mengoptimumkan Potensi Ekonomi

Strategi E3 Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

Strategi E4 Memperkukuh Pendekatan Keseluruhan Kerajaan



Strategi E1: Mempertingkatkan Penyediaan Infrastruktur

Menambah Baik Penyediaan Infrastruktur Asas

Pembangunan infrastruktur jalan di Sabah dan Sarawak akan ditumpukan kepada menghubungkan jalan utama kepada kawasan yang kurang mendapat liputan. Dalam hubungan ini, pembinaan jajaran baharu dan naik taraf jalan sedia ada, terutama di kawasan bandar akan dilaksanakan sejajar dengan Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya Sabah dan Sarawak 2040. Di samping itu, pembinaan dan naik taraf jalan luar bandar akan diteruskan untuk menambah baik ketersambungan.

Bekalan elektrik luar bandar akan diperluas sebagai pelengkap kepada sistem grid elektrik negeri. Sistem alternatif seperti solar hibrid, solar fotovoltan dan hidro kecil akan dipertingkatkan di kawasan pedalaman. Selain itu, bekalan elektrik ke grid Sabah akan terus diperkukuh melalui sambung tara dengan grid Sarawak yang dijadualkan pada tahun 2024.

Bagi memastikan keterjaminan bekalan air, kapasiti sumber akan dipertingkatkan dengan mengoptimum teknologi dalam meneroka sumber alternatif seperti air bawah tanah, tasik dan air hujan. Selain itu, usaha bagi menambah baik bekalan air di kawasan luar bandar akan dipergiat, termasuk penyediaan sumber alternatif untuk liputan yang lebih luas. Langkah ini akan memastikan bekalan air mencukupi dan menambah baik liputan air bersih dan selamat.

Pembinaan dan naik taraf lapangan terbang serta padang terbang akan diberi keutamaan berdasarkan keselamatan, sekuriti dan keselesaan penumpang. Dalam hubungan ini, padang terbang Bario akan dinaik taraf melalui pemanjangan landasan untuk pesawat berlepas dan mendarat dengan muatan penumpang yang maksimum. Pembesaran lapangan terbang dan padang terbang di Sabah dan Sarawak akan memastikan pematuhan keselamatan oleh syarikat penerbangan dan penyediaan kemudahan yang mencukupi, sejajar dengan Pelan Strategik Lapangan Terbang Kebangsaan.

Infrastruktur digital akan terus disediakan di lokasi yang masih belum mendapat liputan di Sabah dan Sarawak di bawah JENDELA. Pembinaan infrastruktur telekomunikasi akan dipercepat dengan mengutamakan pembinaan di atas tanah atau bangunan milik kerajaan. Usaha berterusan dalam menyediakan *Points of Presence* di kawasan sekitar sekolah akan dilaksana bagi meningkatkan ketersambungan jalur lebar.

Strategi E2: Mengoptimumkan Potensi Ekonomi

Mempercepat Pembangunan Tanah Adat

Pembangunan tanah NCR berdasarkan pendekatan pembangunan tanah secara bersepadu akan terus diperkukuh melalui kerjasama antara agensi Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak swasta. Di samping itu, pengukuran dan pemetaan tanah NCR akan dipercepat bagi memudahkan kerajaan negeri dalam pewartaan dan pemberian hak milik tanah. Inisiatif ini akan membolehkan tanah NCR dibangunkan dan lebih banyak peluang penjana pendapatan diwujudkan untuk Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak.

Melonjakkan Industri Aeroangkasa

Usaha untuk menggalakkan aktiviti penerbangan yang mampan di Sarawak akan ditumpu kepada penghasilan bahan api penerbangan mampan (SAF) daripada alga. Kerjasama dengan pelbagai pihak akan dijalin untuk mempercepat pembangunan teknologi penghasilan alga dan integrasi ekosistem SAF di Sarawak. Selain itu, pembangunan industri aeroangkasa di Sabah akan terus ditumpukan kepada meningkatkan aktiviti penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih serta menambah baik latihan kemahiran di pusat kecemerlangan aeroangkasa.

Menggalakkan Kawasan Perindustrian Berteknologi Tinggi dan Mampan

Ekosistem pelaburan yang lebih kondusif akan diwujudkan, termasuk membangunkan kawasan perindustrian baharu dan mengoptimumkan kawasan perindustrian sedia ada bagi meningkatkan daya saing dan menarik pelabur. Tumpuan akan diberi kepada pembukaan kawasan perindustrian berteknologi tinggi baharu di Kimanis dan Kota Belud, Sabah, serta menaik taraf Taman Teknologi Tinggi Samajaya di Kuching, Sarawak bagi menarik pelaburan bernilai tinggi dan menerima guna amalan mampan. Ketiga-tiga kawasan perindustrian ini telah dikenal pasti sebagai projek berimpak tinggi bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi di Sabah dan Sarawak.

Merancang Aktiviti Ekonomi di Koridor Ekonomi Wilayah

Pelaksanaan Pelan Rangka Tindakan SDC 2.0 akan memberi penekanan kepada pembangunan ekosistem yang lebih mesra perniagaan bagi memudahkan cara keperluan pelabur di Sabah. Tumpuan juga akan diberi untuk mempergiat pelaksanaan aktiviti utama yang dikenal pasti, iaitu pelancongan, pertanian, pembuatan dan perkhidmatan logistik. Selain itu, usaha akan diteruskan untuk memanfaatkan kekayaan sumber semula jadi bagi menarik pelaburan berkualiti di kawasan SCORE, terutama dalam industri berintensif tenaga. Langkah akan diambil untuk menambah baik penyediaan infrastruktur asas dan mempermudah urusan menjalankan perniagaan bagi memperluas aktiviti industri dan ekonomi di kawasan SCORE. Dalam hubungan ini, pembangunan Taman Perindustrian Samalaju merupakan satu daripada projek berimpak tinggi yang dikenal pasti untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi di Sarawak. Projek ini akan menumpukan kepada industri berat berintensif tenaga, seperti besi, aluminium, kaca serta minyak dan gas.

Merencanakan Semula Industri Pelancongan

Aktiviti promosi yang terselaraskan akan dipergiat untuk menarik pelancong asing dan domestik untuk melawat Sabah dan Sarawak, dengan memanfaatkan kepelbagaian alam sekitar, budaya dan warisan. Di samping itu, usaha akan dipergiat bagi mewujudkan semula laluan terus dan meningkatkan ketersambungan penerbangan antarabangsa ke lapangan terbang utama di Sabah dan Sarawak. Ini bertujuan untuk meningkatkan laluan dan kapasiti tempat duduk seperti sebelum pandemik. Laluan dan pasaran baharu akan terus diwujudkan untuk meningkatkan ketibaan pelancong.

Mempercepat Penggunaan Tenaga Boleh Baharu

Usaha akan ditumpukan kepada mempercepat peralihan tenaga dan meningkatkan sumbangan tenaga boleh baharu di Sabah dan Sarawak. Dalam hubungan ini, pembangunan solar berskala besar, hidroelektrik berskala kecil dan biotenaga akan diperkukuh, manakala penggunaan solar berskala besar dan sistem penstoran tenaga bateri akan dipergiat di Sabah. Selain itu, loji hidrogen dan hidroelektrik berskala besar akan dibangunkan di Sarawak untuk pasaran tempatan dan eksport. Usaha ini akan menyokong pencapaian aspirasi pelepasan gas rumah kaca bersih sifar seawal tahun 2050.

Mengoptimumkan Sumber Gas Asli

Sumber gas asli akan dioptimumkan melalui pelaksanaan strategi yang digariskan dalam Pelan Induk Gas Sabah dan Pelan Hala Tuju Gas Sarawak. Strategi di bawah Pelan Induk Gas Sabah termasuk menjana hasil daripada sumber gas untuk meningkatkan pelaburan dalam pengeluaran derivatif petrokimia dan menyokong pertumbuhan permintaan gas daripada segmen industri dan komersial. Pelan Hala Tuju Gas Sarawak pula akan memberi penekanan untuk meningkatkan pertumbuhan industri petrokimia dan meneroka lapangan gas baharu melalui kerjasama antara PETRONAS dan Petroleum Sarawak Berhad.

Mempercepat Pertumbuhan Hijau

Langkah akan diambil untuk mempercepat pelaksanaan inisiatif pertumbuhan hijau di Sabah dan Sarawak. Dalam hubungan ini, pelaksanaan perolehan hijau kerajaan sedia ada bagi bekalan dan perkhidmatan akan diperluas kepada sektor pembinaan untuk memperkukuh pasaran hijau. Selain itu, pelaksanaan inisiatif pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) akan menjadi sumber baharu dalam pertumbuhan ekonomi dan

menjana pelaburan bernilai tinggi. Pelaksanaan inisiatif ini memerlukan penggubalan rangka kerja kawal selia dalam mengurus CCUS secara holistik dan menyelaraskan pelaksanaan pada peringkat negeri. Di samping itu, pembangunan industri tempatan dalam teknologi hijau, seperti pengeluaran hidrogen dan biotenaga, akan dipergiat untuk menyokong pembangunan hijau dan rendah karbon.

Usaha akan diteruskan untuk memulihkan hutan terosot dan mewartakan lebih banyak kawasan perlindungan di Sabah dan Sarawak. Teknologi termaju akan digunakan dalam menyepadukan data mengenai sumber semula jadi untuk menambah baik perancangan, pembangunan, pengurusan dan pemuliharaan ekosistem semula jadi serta memperkukuh perlindungan aset semula jadi. Selain itu, pelaksanaan matlamat pembangunan mampan dan penerimgunaan alam sekitar, sosial dan tadbir urus dalam amalan perniagaan akan dipertingkatkan untuk menggalakkan pertumbuhan hijau dan mampan. Usaha ini akan mewujudkan kelebihan daya saing dan seterusnya mempercepat pelaksanaan inisiatif ekonomi hijau di Sabah dan Sarawak.

Meningkatkan Produktiviti Sektor Pertanian

Usaha akan diteruskan untuk menggalakkan penerimgunaan kaedah pertanian berteknologi tinggi yang lebih meluas dalam sektor pertanian, seperti analisis data raya, kecerdasan buatan dan internet benda. Tumpuan akan terus diberikan kepada pertanian pintar dalam pengeluaran padi, akuakultur dan kelapa sawit di Sabah dan Sarawak. Usaha ini akan meningkatkan produktiviti sektor pertanian dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi di kedua-dua negeri.

Strategi E3: Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

Meningkatkan Akses kepada Pendidikan

Dalam usaha meningkatkan akses kepada pendidikan di Sabah dan Sarawak, Sekolah Model Khas Komprehensif 11 (K11) akan dibangunkan bagi mengurangkan kadar keciciran murid daripada Tingkatan 3 ke 4 dan menyediakan akses kepada pendidikan sehingga 11 tahun (Darjah 1 hingga Tingkatan 5). Di samping itu, lebih banyak sekolah daif yang berada pada skala tujuh berdasarkan Indeks Penilaian Keadaan Bangunan Sekolah akan diganti. Pusat kanak-kanak berkeperluan khas di Sabah dan Sarawak akan turut dibina bagi memastikan kanak-kanak autisme

menerima intervensi dan pendidikan di peringkat awal. Tumpuan juga akan diberi kepada peningkatan kemahiran pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru melalui penyesuaian dan pemahaman budaya setempat di kawasan luar bandar dan pedalaman. Selain itu, kemudahan dan infrastruktur termasuk infrastruktur digital di sekolah dan pejabat pendidikan akan ditambah baik.

Menambah Baik Akses kepada Perumahan

Kerajaan akan terus mempergiat inisiatif dalam menyediakan rumah yang berkualiti dan memuaskan untuk golongan miskin dan isi rumah berpendapatan rendah melalui program perumahan mampu milik. Sebanyak 26,000 rumah usang akan dibaik pulih dan dibina semula di bawah Program Bantuan Rumah untuk menambah baik keadaan tempat tinggal golongan miskin di Sabah dan Sarawak. Di samping itu, kerajaan negeri digalakkan untuk menyediakan lebih banyak rumah mampu milik untuk memberi manfaat kepada lebih ramai golongan miskin, isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana.

Memperluas Akses kepada Perkhidmatan Kesihatan

Perkhidmatan jagaan warga emas di klinik kesihatan dan hospital akan diintegrasikan, manakala Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2018 akan dikuatkuasakan. Di samping itu, makmal invasif kardiologi di hospital awam akan dibangunkan secara berfasa untuk mengurangkan morbiditi dan kematian akibat penyakit jantung. Perkhidmatan pergigian sekolah juga akan diperluas kepada guru, kakitangan sekolah dan keluarga, sejajar dengan Perlindungan Kesihatan Sejagat untuk Kesihatan Pergigian WHO (WHA74.5). Selain itu, pembangunan Makmal Kesihatan Awam dan Makmal Keselamatan & Kualiti Makanan di Kuching, Sarawak akan bermula pada 2023. Sebuah pusat darah wilayah juga akan dibina di Sabah untuk meningkatkan perkhidmatan transfusi di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan kawasan utara Sarawak. Skim Perubatan MADANI akan terus dilaksanakan bagi membolehkan golongan kurang berkemampuan untuk mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta. Usaha ini akan mengurangkan kesesakan di fasiliti penjagaan kesihatan awam.

Strategi E4: Memperkukuh Pendekatan Keseluruhan Kerajaan

Meningkatkan Kerjasama dalam Penyediaan Infrastruktur Digital

Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan pihak berkuasa negeri akan terus diperkukuh bagi memperkemas dasar, prosedur dan inisiatif berkaitan pembangunan infrastruktur digital. Di samping itu, Jawatankuasa Penyeragaman Kos Caj dan Fi Pembangunan Infrastruktur Komunikasi akan terus memperkukuh mekanisme penyelarasan caj dan fi pada peringkat negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi pembinaan infrastruktur telekomunikasi. Usaha ini akan mempercepat penyediaan infrastruktur digital dan menambah baik penyampaian perkhidmatan.

Menambah Baik Penyampaian Perkhidmatan

Fungsi agensi pada peringkat Persekutuan dan negeri akan diperkemas bagi memudah cara pembangunan di Sabah dan Sarawak. Penurunan kuasa kepada JKR Sabah dan Sarawak bagi projek bernilai sehingga RM50 juta akan menambah baik pelaksanaan projek pembangunan di kedua-dua negeri. Di samping itu, penyerahan kuasa kawal selia berkaitan bekalan elektrik di Sabah bermula pada tahun 2024 akan membolehkan Kerajaan Negeri Sabah mengawal selia bekalan elektrik. Langkah ini akan membolehkan perancangan industri elektrik yang lebih baik di Sabah.

Memperkukuh Perancangan Pembangunan Industri Gas Asli

Pelan Induk Gas Sabah dan Pelan Hala Tuju Gas Sarawak akan digabung menjadi sebahagian daripada pelan hala tuju gas asli pada peringkat nasional. Pelan hala tuju nasional ini akan memperkemas perancangan industri gas dan mengoptimumkan penggunaan sumber gas asli di seluruh negara. Usaha ini akan menyediakan hala tuju strategik industri gas yang komprehensif dalam menyokong peralihan tenaga di Malaysia.

Kesimpulan

Dalam tempoh kajian semula RMKe-12, pelbagai langkah telah dilaksanakan untuk mengoptimumkan potensi ekonomi wilayah, membangunkan bandar yang mampan, mentransformasi kawasan luar bandar dan memperkukuh pembangunan sosioekonomi negeri kurang membangun, termasuk Sabah dan Sarawak. Walaupun beberapa sasaran telah dapat dicapai, masih terdapat isu dan cabaran yang perlu ditangani. Dalam tempoh akhir RMKe-12, usaha akan terus ditumpukan kepada mempertingkatkan potensi ekonomi wilayah, mempercepat pembangunan bandar mampan, mempergiat pembangunan luar bandar dan mengoptimumkan peluang daripada kerjasama subserantau. Di samping itu, pembangunan di Sabah dan Sarawak akan dipergiat untuk merapatkan jurang dan mengurangkan ketidaksamaan. Pelaksanaan inisiatif ini akan menyokong aspirasi 'Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat' dalam meningkatkan kemampan masyarakat dan mewujudkan pembangunan bandar dan luar bandar yang lebih seimbang.



Bab

